

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan kenyataan "Tidak harus orang Islam menyertai majlis berdoa bersama agama lain", serta daripada sudut manakah yang selari dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu Kebebasan Beragama.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. JAKIM mengeluarkan kenyataan bahawa "Tidak harus orang Islam menyertai majlis berdoa bersama agama lain" berdasarkan pandangan hukum oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) kali ke-74 yang bersidang pada tahun 2006 memutuskan bahawa:

- i. Doa tergolong di dalam perkara ibadah kepada Allah S.W.T. dan ia hendaklah dilakukan sebagai suatu acara yang tidak bertentangan dengan roh ibadah dan rasa tawaduk kepada Allah S.W.T. kerana bagi orang Islam memohon dan mendoakan sesuatu hanya kepada Allah S.W.T. sahaja.
- ii. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa orang Islam tidak harus meminta atau mengarahkan orang bukan Islam berdoa mengikut agama mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, jika mereka berdoa atau memohon sesuatu mengikut ajaran mereka dengan kehendak mereka sendiri tanpa diarahkan, perbuatan tersebut tidak dilarang. Sekian, terima kasih.